



# MANUSIA & DOSA

*Siri Asas Kepercayaan Kristian*

# **Manusia dan Dosa**

## **Siri Asas Kepercayaan Kristian**

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.

Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

# Manusia dan Dosa

<sup>13</sup>Engkau menciptakan segala bahagian badanku; Engkau membentuk aku di dalam rahim ibuku. <sup>14</sup>Aku memuji Engkau kerana Engkau menciptakan aku dengan baik dan luar biasa. Segala perbuatan-Mu ajaib dan mengagumkan. Aku benar-benar menyedarinya.

<sup>15</sup>Ketika tulang-tulangku dijadikan, dan dirangkaikan dengan teliti di dalam rahim ibuku, ketika aku tumbuh di sana secara rahsia, Engkau tahu bahawa aku di sana.

<sup>16</sup>Engkau melihat aku semasa aku dalam kandungan ibuku. Jangka masa hidupku sudah ditetapkan dan dicatat di dalam kitab-Mu, bahkan sebelum satu hari pun bermula.

*(Mazmur 139:13-16)*

“**A**pa itu manusia?” tanya seorang pemazmur berabad-abad yang lalu. Agak menarik kerana soalan ini masih hangat dipersoalkan pada abad ke-21 yang sudah semakin modenini. Adakah kita hanya haiwan yang dimuliakan? Adakah kita hanya hasil tindakbalas dari gabungan pelbagai molekul kimia? Atau

adakah kita lebih daripada ini?

“Siapakah saya?” Persoalan tentang identiti kita menjadi asas kepada semua perkara yang kita lakukan dan yang kita bakal jadi. Jawapan terhadap identiti kita ini mempunyai pengaruh yang besar kepada pandangan kita terhadap diri kita, pilihan serta tujuan hidup kita. Untuk orang Kristian, adalah penting bagi kita mengerti apa kata Alkitab tentang manusia.

## A. Asal-usul Manusia


Persoalan pertama untuk dijawab adalah dari manakah manusia datang? Alkitab ada jawapannya:

“Pada mulanya, Allah menciptakan langit dan bumi.” (*Kejadian 1:1*).

“Kemudian Allah berfirman, ‘Sekarang Kita akan mencipta manusia yang akan menjadi seperti Kita dan menyerupai Kita. Mereka akan menguasai semua ikan, burung, serta binatang lain: binatang jinak, dan binatang liar yang besar mahupun yang kecil.’ Demikianlah Allah menciptakan manusia dan menjadikan mereka kepada diri-Nya sendiri. Dia menciptakan mereka lelaki dan perempuan” (*Kejadian 1:26-27*).

Tiada bahagian dalam Alkitab yang mengajar bahawa makhluk di alam semesta mahu pun manusia terjadi secara kebetulan. Kita dicipta hasil daripada pertimbangan yang cermat dan penuh tujuan dari Allah Tritunggal.

Adam merupakan manusia pertama yang dicipta menyerupai Allah. Dicipta menyerupai Allah membolehkan kita mengenali-Nya dan memandang diri kita melalui mata-Nya. Manusia pertama dipanggil Adam (yang bererti 'manusia' dalam bahasa Ibrani). Kemudian Allah berkata, "Tidak baik manusia hidup seorang diri," dan untuk melengkapi lelaki, Allah telah membentuk perempuan untuk dijadikan pembantu Adam (*Kejadian 2:18, 22*).



“Kerana beriman, kita mengerti bahawa alam ini diciptakan oleh firman Allah, maka apa yang dapat dilihat dijadikan daripada apa yang tidak dapat dilihat” (*Ibrani 11:3*).

Dalam erti kata lain, Allah mencipta sesuatu *ex nihilo* (daripada sesuatu yang tidak ada). Kemudian Dia membentuknya menjadi benda hidup – tumbuh-tumbuhan, haiwan binatang dan manusia. Peranan Alkitab bukan untuk memberitahu kita tentang *bagaimana* suku manusia dan alam semesta dicipta, tetapi menyatakan dengan tegas dan jelas *bahawa Allah menjadikan semua benda hidup*.

Alkitab tidak cuba membuktikan Allah, tetapi ia mengandaikan Dia telah ada dan sudah wujud sebelum benda hidup di bumi dijadikan. Ia menyokong kepercayaan ini dengan bukti kehidupan, kematian dan kebangkitan Kristus. Andaian sebegini bukan jahil atau tidak bijak, tetapi ia bersandar pada bukti yang kukuh dan rasional (*lihat buku tentang Yesus Kristus dalam siri ini*).

Ia mengingatkan kita bahawa orang-orang yang menolak pandangan Alkitabiah tentang Penciptaan juga bermula dengan pra-andaian dan andaian yang menjadi asas kepada dakwaan mereka. Semua orang bermula dengan pelbagai andaian atau kecenderungan yang tidak diiktiraf sepenuhnya oleh ilmu sains. Persoalan kunci yang kita harus tanyakan adalah: "Apakah yang menjadi bukti terhadap andaian kita?"

## B. Adam Dan Hawa Dicipta Secara Unik

Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru menyatakan bahawa Adam adalah seorang manusia. Baca petikan-petikan Alkitab berikut dan tuliskan apa yang dikatakan oleh Yesus dan Rasul Paulus tentang penciptaan manusia:

Yesus menjawab, "Belum pernahkah kamu baca ayat Alkitab yang mengatakan bahawa pada mulanya Allah menjadikan orang lelaki dan perempuan?" (*Mat 19:4*)

Matius 19:4.

<sup>12</sup>Dosa masuk ke dalam dunia melalui satu orang, dan dosa orang itu membawa kematian. Akibatnya maut menjangkiti segenap umat manusia, kerana semua orang berdosa.... <sup>14</sup>Sungguhpun demikian, dari zaman Adam sampai kepada zaman Musa, maut menguasai segenap umat manusia, termasuk orang yang tidak berbuat dosa seperti yang dilakukan oleh Adam ketika dia melanggar perintah Allah. Adam itu gambaran daripada Dia yang akan datang kemudian. <sup>15</sup>Tetapi kedua-dua mereka tidak sama, kerana anugerah Allah sangat berbeza dengan dosa Adam. Memang betul bahawa banyak orang mati akibat dosa satu orang itu. Tetapi jauh lebih besar lagi akibat daripada rahmat Allah dan anugerah penyelamatan-Nya yang diberikan kepada banyak orang melalui rahmat satu orang, iaitu Yesus Kristus. ...<sup>17</sup>Memang betul bahawa melalui satu orang itu, maut mula berkuasa kerana dosa satu orang itu. Tetapi lebih besar lagi hal yang dicapai oleh satu orang lain, iaitu Yesus Kristus. Melalui Dia, Allah melimpahkan rahmat-Nya kepada banyak orang, dan dengan anugerah-Nya mereka dapat berbaik semula dengan Allah serta akan hidup dan berkuasa melalui Kristus. <sup>18</sup>Oleh itu sebagaimana umat manusia dihukum kerana dosa satu orang; dengan cara yang sama semua orang dibebaskan daripada kesalahan dan diberikan hidup, kerana perbuatan satu orang yang melakukan kehendak Allah....  
<sup>21</sup>Oleh itu sebagaimana orang harus mati kerana berbuat dosa, demikian juga rahmat Allah berkuasa untuk membolehkan kita berbaik semula dengan Allah sehingga kita beroleh hidup sejati dan kekal melalui Yesus Kristus, Tuhan kita.  
*(Rm 5:12-21)*


Roma 5:12-21

“Sebagaimana semua orang mati kerana tergolong satu dengan Adam, begitu juga semua orang akan dihidupkan semula kerana tergolong satu dengan Kristus.” (1 Kor 15:22)

## 1 Korintus 15:22

Adam adalah makhluk yang nyata dan unik berbanding ciptaan yang lain. Dia dijadikan untuk menakluk dan berkuasa ke atas ciptaan lain. Tempatnya lebih tinggi daripada semua makhluk yang ada. Dia adalah peribadi yang dipisahkan. Dia bertanya soalan, boleh berfikir tentang yang baik dan yang buruk (dia bersembunyi setelah melakukan dosa), dan mempunyai kuasa untuk membuat pilihan. Manusia dibezakan daripada semua makhluk lain berdasarkan tiga aspek di bawah:

- Mempunyai perasaan malu
- Kebolehan untuk berfikir dengan bijak dan waras
- Memiliki moral dan rohani





## C. Tubuh, Jiwa dan Roh

Kejadian 2 memberikan maklumat yang lebih lanjut tentang penciptaan manusia:

“Kemudian TUHAN Allah mengambil sedikit tanah dan membentuk manusia, lalu menghembuskan nafas yang memberi hidup ke dalam lubang hidungnya; maka hiduplah manusia itu” (Kejadian 2:7).

Di sini, kita melihat dua elemen yang terlibat dalam penciptaan manusia. Pertama, “sedikit tanah”. Kedua, “nafas yang memberi hidup”, iaitu nafas Allah. Gabungan kedua-dua elemen ini menjadikan manusia makhluk yang hidup.

Manusia bukan terdiri daripada tubuh sahaja. Tetapi adakah manusia terdiri daripada tiga komponen (tubuh, jiwa dan roh) atau pun dua komponen (tubuh dan roh)? Perjanjian Lama tidak menyatakan

**Cuba lihat anjing  
peliharaan anda.  
Pernahkah anjing  
itu bertanya,  
“Adakah Allah  
wujud?”**

istilah yang tetap untuk komponen manusia yang tidak kelihatan ini. Istilah *jiwa*, *hati* dan *roh* digunakan sebagai sebahagian daripada bahagian manusia yang penting. *Tubuh* bermaksud keseluruhan peribadi. Dalam doanya, Daud menulis,

“Ya Allah, Engkaulah Allahku, [*jiwa*] *aku* rindu akan Engkau. Seperti tanah tandus haus akan air, begitulah aku haus akan Engkau”


(*Mazmuz 63:1*, tulisan condong ditambah)

Terdapat ayat lain yang menyebut tentang ketiga-tiga aspek manusia:

“[jiwa] Aku sangat ingin diam di sana. Aku sangat rindu tinggal di Rumah TUHAN. Dengan sepenuh hati, aku bernyanyi dengan gembira kepada Allah yang hidup” (Mazmur 84:2).

Dalam Perjanjian Lama, 29 kali *hati* merujuk kepada organ fizikal manusia. Tetapi, terdapat 822 kali yang merujuk kepada peribadi, emosi, intelek dan kehendak manusia. Rujukan tersebut menerangkan tentang peribadi dalaman, bahagian bukan fizikal kita yang sebenarnya.

Alkitab sering melihat setiap peribadi sebagai gabungan antara yang boleh dilihat (tubuh) dengan yang tidak kelihatan. Kebangkitan menunjukkan bahawa setiap daripada kita terdiri daripada tubuh, jiwa dan roh. Kebanyakan kita tahu bahawa diri kita pada asasnya lebih daripada sekadar tubuh. Pernyataan yang menyatakan jiwa terperangkap dalam tubuh merupakan satu konsep Yunani, bukan konsep yang Alkitabiah.



## D. Apa Yang Dimaksudkan Dengan Menyerupai Allah?

Apa yang dimaksudkan dengan manusia dicipta serupa dengan Allah? Pernyataan ini tidak bermaksud bahawa kita mempunyai persamaan fizikal dengan Allah. Alkitab mengajar bahawa Allah adalah roh dan tidak memiliki bahagian tubuh seperti manusia.

“Allah itu Roh, dan hanya dengan kuasa Roh Allah orang dapat menyembah Bapa sebagai Allah yang benar.” (Yohanes 4:24)

Tiada sesiapa pun yang tahu bagaimana rupa Allah. Tiada satu benda pun di bumi yang boleh mewakili Roh-Nya (Ulangan 4:15-23).

Rupa Allah dalam manusia merujuk kepada keperibadian. Menurut D. M. Edwards, “Manusia mempunyai keperibadian yang bebas dan rasional seperti Allah, boleh membezakan antara hal yang baik dan jahat, boleh memilih yang baik dan menolak yang salah dan mampu memiliki pencapaian rohaniah dan perhubungan dengan Allah.”

Kualiti sifat manusia seperti mempunyai perasaan, berprihatin dan mampu berhubung datang dari Allah. Rasa sukacita, kesedihan dan menginginkan perhubungan juga merupakan sebahagian daripada peribadi Allah.

Manusia yang asal adalah bijak. Dia boleh menamakan setiap binatang yang ditunjukkan kepadanya (Kejadian

2:19-20). Dia mempunyai kebolehan untuk berfikiran secara waras. Dalam percakapan, dia dapat mengaitkan perkataan dengan idea-idea. Dia dapat dan telah berhubung dengan Allah.

Kualiti-kualiti moral dan rohaniah membezakan manusia daripada makhluk-makhluk lain. Rupa Allah memberi mereka kesedaran tentang perkara yang baik dan jahat (Kejadian 3). “Pengetahuan” daripada Allah ini bermaksud umat Allah suka akan kasih dan benci akan kejahatan, serta mampu membezakan kedua-duanya. Dalam Perjanjian Baru, ia disebut “hati nurani”.

“Perintah ini bertujuan menjadikan kita saling mengasihi dengan kasih yang berasal daripada hati yang murni, hati nurani yang suci, dan kepercayaan yang sungguh-sungguh kepada Tuhan.” (1 *Timotius* 1:5)

## E. Pilihan

Pada asalnya, manusia adalah suci dan kecenderungannya ialah mendekati Allah. Pada Penciptaan, manusia tiada kecenderungan untuk melakukan dosa, seperti yang kita ada sekarang. Meskipun manusia boleh dicubai, dia tidak dipaksa atau didorong untuk berbuat dosa. Adam dan Hawa melakukan dosa dengan sengaja, mereka memilih untuk melakukannya. Bak kata pepatah: “Manusia tiada kebolehan untuk tidak berdosa; dia mempunyai kebolehan untuk tidak melakukan dosa. Dia boleh memilih.”

Jika semua kekal seperti pada Penciptaan, dosa dan kematian (bersama dengan semua akibat-akibat mereka) tidak akan berlaku. Tetapi Adam dan Hawa memilih untuk tidak mentaati Allah demi memenuhi keinginan mereka. Keingkarannya membawa kebinasaan kepada keturunan mereka.



“Kejatuhan” mereka telah benar-benar mengubah hubungan menarik di antara Allah dan manusia. Amat menarik bahkan dalam masyarakat animistik yang menyembah banyak tuhan, mereka percaya akan satu ‘Tuhan yang dari langit’, Sang Pencipta yang tidak dapat dicapai. Kepercayaan itu wujud setelah hubungan rapat Allah dan manusia hancur; Sang Pencipta mula

mengasingkan diri dan tidak dapat dicapai. Seperti yang mereka lihat, Sang Pencipta yang ada di tempat mahatinggi kini hanya mengurus manusia melalui tuhan-tuhan kecil. Semua idea ini jelas bertentangan dengan ajaran Alkitab di Kejadian 3.

Adam dan Hawa bertanggungjawab terhadap dosa yang telah mereka lakukan. Mereka tidak memiliki sifat untuk melakukan dosa seperti yang kita ada, oleh itu, godaan untuk berbuat dosa harus datang daripada luar mereka. Alkitab menyatakan sumber ini sebagai

“ular” (Kejadian 3:1), yang digunakan oleh Iblis untuk mengasingkan mereka dari Allah. Ular kekal sebagai simbol penipuan dan ia disamakan dengan Iblis dalam Wahyu 12:9.

“Ular ialah binatang yang paling licik antara semua binatang yang dijadikan oleh TUHAN Allah. Ular itu bertanya kepada perempuan itu, “Benarkah Allah melarang kamu makan buah daripada sebarang pokok di taman ini?”(Kej 3:1)

“Naga besar itu dibuang dari syurga. Itulah ular tua yang bernama Iblis atau Syaitan, yang menipu seluruh dunia. Dia dibuang ke bumi dengan semua malaikatnya.” (Wahy 12:9)

Mengapa Allah tidak menghalang kejahatan masuk ke dunia jika Dia tahu apa yang bakal berlaku? Mengapa Dia tidak menjadikan kita manusia yang dapat mengelakkan diri daripada berbuat dosa? Allah mungkin dapat menghalang kejahatan dari memasuki dunia kita. Tetapi jika Dia berbuat demikian, kita tidak akan mampu serupa dengan Allah atau menjadi manusia yang mempunyai kebebasan untuk membuat pilihan. Kita tidak diciptakan untuk menjadi robot, atau “patung yang pandai berkata-kata”.

Allah bukan pencipta dosa. Jika Adam dan Hawa tidak ingkar, dosa tidak akan masuk ke dalam umat manusia. Beberapa aspek tentang dosa yang pertama diterangkan dengan jelas dalam Kejadian 3.

- Adam dan Hawa mula-mula sekali dicubai untuk meragui Firman Allah (“Benarkah Allah melarang kamu...? “)

- Sang ular mendorong mereka untuk tidak mempercayai Allah (*"Itu tidak benar; kamu tidak akan mati."*)
- Mereka percaya kepada ular itu dan jatuh ke dalam pencubaan.
- Mereka mengingkari perintah Allah dan memakan buah yang dilarang.

Akibat daripada ketidak-taatan amat cepat dan jelas – rasa bersalah dan dipisahkan dari Allah. Allah sudah memberi amaran bahawa keingkaran bukan saja membawa kepada kematian fizikal dan rohani, tetapi juga dipisahkan dari Pencipta mereka. Kejatuhan tersebut juga telah melibatkan seluruh ciptaan (Roma 8:21-22):

- Imej Allah telah dirosakkan dari segi moral dan dimensi asalnya.
- Manusia telah hilang kecenderungan asal untuk mendekati Allah.
- Keinginan kita telah tersasar jauh daripada Allah.
- Intelek kita menjadi terhad, emosi kita tercemar dan kita diperhambakan oleh keinginan kita sendiri.

“Dosa masuk ke dalam dunia melalui satu orang, dan dosa orang itu membawa kematian. Akibatnya maut menjangkiti segenap umat manusia, kerana semua orang berdosa.” (Rm 5:12)

Baca Roma 5:12. Apakah kesan daripada dosa Adam dan Hawa?

“Aku jahat sejak aku dilahirkan;  
aku berdosa sejak aku dalam kandungan.” (Mzm 51:7)

Baca Mazmur 51:7. Apa yang dikatakan oleh Daud tentang sifat asal manusia?

Daud tidak berkata tentang konsep tindakan berdosa, tetapi dia berkata tentang kecenderungan untuk berbuat dosa yang kita warisi. Akibat daripada dosa asal ini, dunia ini di bawah pengadilan (Roma 3:19), manusia dipisahkan dari Allah dan menentang Allah. Oleh itu, manusia harus berdepan dengan kemurkaan-Nya (Efesus 2:2-4).

“Sekarang kita tahu bahawa semua yang tertulis di dalam Taurat adalah bagi mereka yang hidup di bawah Taurat. Dengan demikian tidak seorang pun dapat berdalih, dan semua orang di dunia akan diadili oleh Allah.” (Rm 3:19)

<sup>2</sup>Pada masa itu hidup kamu mengikut cara hidup yang jahat daripada orang di dunia ini. Kamu mentaati penguasa roh-roh jahat di angkasa, iaitu roh yang sekarang menguasai orang yang tidak taat kepada Allah. <sup>3</sup>Sebenarnya dahulu kita semua seperti mereka. Kita hidup mengikut tabiat manusia dan melakukan segala sesuatu yang dikehendaki tubuh dan fikiran kita. Seperti orang lain, kita pun kena kemurkaan Allah.


<sup>4</sup>Tetapi Allah sangat berbelas kasihan dan Dia sangat mengasihi kita...” (Ef 2:2-4)



Sesiapa yang memiliki anak akan tahu bahawa sifat mementingkan diri muncul dalam diri mereka sejak usia yang sangat muda. Anda tidak perlu mengajar mereka untuk menjadi seorang yang mementingkan diri sendiri. Ibu bapa menghabiskan usaha yang banyak untuk menghalang kecenderungan ini daripada berlaku kepada anak-anak mereka, tetapi satu-satunya peribadi yang dapat mengatasi kecenderungan untuk berbuat dosa yang diwarisi ini hanyalah Tuhan Yesus.

## F. Adam Pertama dan Adam Kedua

Alkitab menggambarkan Adam sebagai “wakil” kita sewaktu dia berdosa (Roma 5:12-19). Ada di antara kita yang berani mengaku kita tidak pernah berbuat dosa? Kita terkutuk bukan sahaja kerana dosa yang diwarisi dari Adam, tetapi juga dosa yang kita sendiri lakukan.



Bagi kita semua, dosa bukan bermula dengan tindakan luaran yang nyata tetapi dimulakan dengan hati dan fikiran kita. Ia bahkan hampir tidak dapat dikesan pada mulanya. Dalam erti kata lain, kita bukan orang berdosa kerana berbuat dosa – kita berdosa kerana kita adalah manusia yang berdosa. Pokok mangga bukanlah pokok mangga kerana ia mengeluarkan buah mangga; ia mengeluarkan buah mangga kerana ia mempunyai sifat sebagai pokok mangga. Dosa adalah perbuatan (atau buah mangga); dosa adalah sifat tercemar kita (pokok mangga).


“Penghakiman itu berdasarkan hal ini: Cahaya itu sudah datang ke dunia, tetapi manusia lebih menyukai kegelapan daripada cahaya kerana perbuatan mereka jahat” (Yohanes 3:19).

Berita baiknya ialah, orang-orang percaya diwakili oleh Kristus! Semua orang mati kerana Adam, tetapi melalui Kristus (Adam yang kedua), semua orang percaya dihidupkan (Roma 5:19). Allah telah melakukan sesuatu untuk kita melalui Kristus yang mana kita tidak dapat melakukannya sendiri. Melalui Kristus, iaitu Adam yang kedua, kita diberikan *sifat baru*. Kita mendapat pengampunan dan berpeluang untuk menjadi baik semula.

Bagi memberikan sifat dan kehidupan rohaniah yang baru, Allah telah menyediakan “Anak Domba Allah” sebagai korban yang sempurna untuk menebus semua dosa dunia. Penyelesaian tersebut agak radikal, tetapi ia menunjukkan kasih dan rahmat Allah:

“Hal itu demikian, kerana Allah sudah menunjukkan

rahmat-Nya untuk menyelamatkan umat manusia. Rahmat-Nya mengajar kita supaya hidup salih dan tidak mengejar hal-hal keduniaan” (Titus 2:11-12).



Kitab Suci menekankan kebolehan kita untuk menolak dosa dan menerima Kristus. Tetapi *setiap orang* harus membuat pilihan.

## G. Melihat Dengan Mata Allah

Persoalan tetap muncul, “mengapa kita perlu bertanggungjawab kerana dosa jika Allah telah memberi kita satu permulaan hidup yang tiada harapan? Mengapa pula Dia hendak mengutuk kita disebabkan hal itu?”

Ayat “semua orang sudah berdosa” (Roma 3:23) tidak

bermaksud semua orang melakukan kesalahan yang sama besarnya. Tetapi ia bermaksud kita begitu rendah jika dibandingkan dengan Allah yang kudus. Dia adalah kayu pengukur kita. Anda mungkin mengenali seseorang yang jujur, baik dan tulus yang tidak boleh disamakan langsung dengan seorang penjenayah dan penipu yang jahat. Secara manusiawi, perbezaannya sangat besar. Tetapi di mata Allah yang Maha Kudus, semua dosa (kecil atau besar) adalah sama sahaja dan membuatkan manusia terpisah dari Pencipta mereka.

Dosa pertama yang dilakukan oleh Adam dan Hawa merupakan prototaip yang telah menjadi contoh dan model terhadap dosa-dosa yang lain. Ia melanggar perintah Allah, sama seperti dengan dosa-dosa yang lain. Perintah “engkau tidak boleh makan buah pokok itu” menunjukkan kekuasaan, kebaikan, kebijaksanaan, keadilan, kesetiaan dan kemuliaan Allah. Ketika Adam dan Hawa jatuh ke dalam dosa, mereka telah menolak kekuasaan Allah, meragui kebaikan-Nya, mempertikaikan kebijaksanaan-Nya, menyangkal keadilan dan kebenaran-Nya serta menolak kemuliaan-Nya dengan angkuh.

“Sesiapa yang berbuat dosa, melanggar hukum Allah, kerana dosa itu pelanggaran terhadap hukum Allah.” (1 Yoh 3:4)

“Oleh itu, seseorang yang tidak melakukan apa yang baik dan yang harus dilakukan, orang itu berdosa.” (Yak 4:7)

Dua aspek dosa adalah: “melanggar hukum Allah” secara aktif dan terang-terangan (1 Yohanes 3:4) dan kegagalan melakukan apa yang baik secara pasif (Yakobus 4:17). Tidak kira apa jenis dosa sekali pun, ia akan membawa akibat yang membinasakan. Dosa adalah bertentangan dengan kesempurnaan Allah. Dosa telah membawa kemusnahan kepada Adam, kepada manusia dan kepada masyarakat secara umumnya. Kita berfikir bahawa tiada orang yang akan tahu; kita berpendapat kita boleh melepaskan diri. Kita ingin membuat peraturan sendiri.

## H. Jalan Keluar: Rahmat Allah

Jika tiada kuasa yang cukup kuat untuk mengubah sifat manusia, maka tiadalah harapan. Tetapi Berita Baik Injil menyatakan bahawa kuasa seperti itu wujud – dalam Kristus:

“Tetapi apabila dosa bertambah, rahmat Allah pun semakin bertambah” (*Roma 5:20*)

Manusia baru yang “dicipta dalam Kristus Yesus” telah diperbaharui dan dijadikan menurut rupa Allah dan suci. Cara lama yang tidak mempedulikan kehendak Allah akan berubah.

“Oleh itu, buanglah cara hidup yang lama ... Hati dan fikiran kamu haruslah diperbaharui seluruhnya. Hendaklah kamu hidup seperti manusia baru, yang diciptakan menurut rupa Allah. Dengan demikian orang dapat melihat bahawa kamu mengamalkan hidup yang menyenangkan hati Allah dan yang suci.” (*Efesus 4:22-24*)

“Sekarang kamu menjadi manusia baru yang sentiasa dibaharui oleh Penciptanya iaitu Allah, supaya menjadi seperti Dia.” (*Kolose 3:9-10*)

Melalui Kristus, kita bukan sahaja diampunkan dari dosa-dosa peribadi kita, malah kita juga menerima sifat yang baru. Penyelesaian Berita Baik itu adalah radikal. Bukan hanya kita mengalami pengubahan luaran, tetapi juga pengubahan dalaman yang mengubah hati, emosi dan kehendak kita. Allah telah membuat peruntukan penuh dengan mengorbankan Kristus supaya kita dapat terlepas daripada penghakiman dan memiliki hidup baru.

Yesus berkata,

“Akulah yang membangkitkan orang mati dan yang memberikan hidup. Sesiapa yang percaya kepada-Ku akan hidup, meskipun dia sudah mati. Orang yang hidup dan percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya.” (*Yohanes 11:25-26*)

Kebenaran tentang kehidupan sejati memberi kita kesedaran terhadap pentingnya untuk menyelidiki diri, keadaan dan untung-nasib kita sementara kita masih berpeluang untuk melakukan apa yang diperlukan.

Bagi menjawab persoalan tentang “Siapa saya?” Alkitab mengajar bahawa setiap daripada kita merupakan suatu peribadi berharga yang diciptakan oleh Allah mengikut rupa-Nya. Ia mengajar bahawa kita berharga di mata Allah dan roh kita lebih berharga daripada seluruh dunia (*Markus 8:36*).

Allah sendiri telah menyediakan rancangan dan tujuan untuk kita semua. Tanggungjawab kita secara individu adalah untuk memberikan respon kepada-Nya. Dia tidak mahu kita terus terpisah daripada-Nya, tetapi Dia ingin kita percaya dan hidup di dalam-Nya buat selamanya.

---

### **Soalan untuk Perbincangan**

1. Bagaimana orang di sekeliling anda menjawab pertanyaan, “Siapakah saya?”
2. Bagaimana Allah mencipta manusia supaya dia unik daripada ciptaan-Nya yang lain?
3. Apa yang anda mengerti tentang pernyataan: “Rupa Allah dalam manusia adalah merujuk kepada keperibadian.”

4. Selain daripada diciptakan serupa dengan Allah dari segi keperibadian, apa lagi yang membuat kita serupa dengan-Nya?
  
5. Tuliskan akibat-akibat kejatuhan manusia.
  
6. Jika warisan Adam adalah dosa dan kematian, apa pula warisan Yesus sebagai Adam yang kedua?
  
7. Apa yang anda mengerti tentang rahmat Allah? Sudahkah anda mengalaminya di dalam hidup anda? Jika belum, apa yang menghalang anda berbuat demikian? Jika ya, ceritakan apa yang berlaku?